

07 SEP 1999

Mahathir-Kroni

KERAJAAN TIDAK CAMPURI URUSAN UNDANG-UNDANG, KATA PM

BANDAR JENGKA, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan kerajaan tidak pernah mencampuri urusan perundangan di negara ini.

Beliau menyatakan rasa hairan kerana apabila tindakan undang-undang dikenakan terhadap beberapa orang tertentu kerana perniagaan mereka didapati tidak betul, maka timbul tuduhan kononnya kerajaan memilih orang yang dekat dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk dikenakan tindakan.

"Tapi Datuk Seri Anwar kata tiada kroni. Katanyalah... dia tak ada kroni... macam mana pula orang ini dianggap sebagai dekat dengan dia dan kita sengaja pilih orang itu," katanya kepada pemberita selepas majlis perjumpaan bersama rakyat di Mini Stadium Nadi Kota di sini.

Perdana Menteri berkata kemungkinan golongan terbabit pernah melakukan kesalahan sebelum ini tetapi tiada tindakan diambil ke atas mereka kerana wujudnya pengaruh-pengaruh tertentu.

Katanya, kerajaan tidak sengaja untuk memilih sesiapa (dalam mengenakan tindakan undang-undang), sebaliknya tindakan itu dibuat dengan berasaskan faktor-faktor perundangan.

"Kita tidak pilih kasih, orang yang kawan dengan kitapun kalau buat salah dia mesti dihadapkan ke mahkamah untuk tindakan undang-undang, termasuk Datuk Seri Anwar sendiri yang menjadi kawan saya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata tuduhan bahawa kerajaan kononnya sengaja memilih orang yang dekat dengan Anwar untuk dikenakan tindakan merupakan satu bentuk pengakuan bahawa Anwar sememangnya mempunyai kroni yang sentiasa dibantunya.

Katanya, beliau (Dr Mahathir) juga tidak berhak untuk menghalang tindakan undang-undang ke atas Anwar walaupun bekas timbalannya itu meminta kepada beliau supaya polis memberhentikan siasatan.

"Saya tak campurtangan dalam urusan polis atau urusan pencegah rasuah. Kenapa dokumen-dokumen yang kononnya ada enam kotak itu... kertas siasatan barangkali... telah diambil. Kalau dia tak ambil tolonglah beritahu dia tak ambil, apa dia yang dia ambil, kita nak tengok," kata beliau.

-- BERNAMA

AFY ROS NMO